

SIARAN MEDIA

1st Mac 2011

MAJLIS PRA-PELANCARAN “DIVAS LAS VEGAS” MINGGU SETIAUSAHA SACC 2011 BERSAMA ANITA SARAWAK & NORYN AZIZ SERTA DIHOSKAN OLEH ZIZAN RAZAK DAN JULIANA EVANS

Shah Alam, 1hb Mac 2011 – Alamilah kemeriahan menyambut minggu setiausaha bersama seorang diva tersohor dan seorang lagi adalah penyanyi yang cukup menyerlah bakatnya pada masa kini – gandingan mantap dua bintang hebat ini pastinya akan menghangatkan Minggu Setiausaha anjuran Shah Alam Convention Centre (SACC) yang julung kali diadakan di Shah Alam Convention Centre (SACC) pada 6 April ini bermula dari jam 12 tengahari sehingga jam 3 petang.

Persembahan bertaraf antarabangsa dan artis terhebat , Anita Sarawak dan Noryn Aziz akan menghiburkan kira-kira 1,500 tetamu dengan persembahan bertenaga mereka sementara para tetamu juga dapat dihiburkan dengan gelagat spontan pengacara jemputan Zizan Razak dan Juliana Evans.

Selain persembahan hebat dua bintang ini, tetamu yang hadir pada Minggu Setiausaha itu juga akan turut membawa pulang cenderamata menarik dan berpeluang memenangi hadiah cabutan bertuah yang cukup hebat. Hadiah-hadiah lumayan bernilai hampir RM100,000.00 disediakan seperti barang kemas tajaan Elegance Club, set perabut mewah tajaan Empire Classic Furniture dan cenderhati yang menarik dari SACC.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif SACC, Dato' Zulkifli Mohamad, bagi membuat kelainan dalam meraikan minggu setiausaha, SACC akan menampilkan konsep yang bertemakan "Divas Las Vegas". Pada hari itu setiap setiausaha yang hadir akan dilayan sebagai "Diva"

dan tetamu yang tampil dengan pakaian yang menarik akan berpeluang dinobatkan 'Pakaian Terbaik'.

Harga untuk menyaksikan Minggu Setiausaha bersama Anita Sarawak dan Noryn Aziz adalah RM550net, RM 490net dan RM420net seorang. Tempahan boleh dibuat di talian 03-5511 8858/03-5511 8814, 019 305 3858 (Rawi), 019 307 3858 (Aizat), 019 396 3858 (Hidayah), 019 395 2858 (Sarah), 019 358 2858 (Syaiful) atau terus membuat tempahan di Ticket Charge Hotline di talian 03 9222 8811 atau layari laman web rasmi Ticket Charge www.ticketcharge.com.my.

Untuk keterangan lanjut, Sila hubungi:-

SYAIFUL BAKHTIAR SALIM

Pengurus Perhubungan Awam dan Acara
Shah Alam Convention Centre (SACC)

HP: +6 019 358 2858

Tel: +603 5511 8858

Fax: +603-5511 8848

Email: syaiful@saccconventioncentre.com

NOTA UNTUK EDITOR - EDITOR

Pengenalan mengenai Shah Alam Convention Centre (SACC)

Pusat Konvesyen Shah Alam (SACC) adalah ikon terbaru yang menjadi kebanggaan Bandaraya Shah Alam. Lokasinya yang terletak bersebelahan Kompleks Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) merupakan satu kelebihan kepada mereka yang mahu menggunakan perkhidmatan mesyuarat, insentif, konvesyen dan pameran (MICE). Dikelilingi pusat membeli-belah, restoran dan hotel terkemuka antarabangsa, SACC juga lengkap dengan segala kemudahan komersial lain termasuk kemudahan internet tanpa wayar atau Wifi yang pantas secara percuma, kawasan rehat luar bangunan, kafe serta restoran.

Menyingkap penubuhan pusat konvensyen yang menelan belanja sebanyak RM66 juta ini, SACC adalah milik penuh PKNS dan diuruskan oleh Siera Management Sdn. Bhd. Mula dibina oleh PKNS pada tahun 2008 dengan keluasan 19,417 meter persegi di atas sebidang tanah seluas 1.01 hektar, mercu tanda Shah Alam ini boleh memuatkan sesuatu majlis sehingga 3,000 orang dan ia adalah satu-satunya pusat MICE unggul di Selangor, SACC dibina untuk menyediakan khidmat sempurna dengan sentuhan keaslian yang berkualiti melalui dewan utama atau dikenali dengan Grand Shah Alam Ballroom seluas 2,192 meter persegi, yang mampu memuatkan sebanyak 1,920 kerusi, lapan bilik seminar dan dewan plenary yang boleh menempatkan sebanyak 310 kerusi pada satu-satu masa serta kemudahan audio dan video yang canggih.